

Tee Yong ketuai delegasi Malaysia ke ASEM

UTUSAN

KUALA LUMPUR 8 Jun

- Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Chua Tee Yong (**gambar**) akan mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Asia-Eropah

(ASEM)

pada esok dan lusa di Ulan Bator, Mongolia.

Menurut Kementerian Kewangan, penyertaan Malaysia pada mesyuarat ASEM sangat penting

bagi menjaga kepentingan negara selain mengulangi komitmennya sebagai peserta utama di Asia untuk mewujudkan kestabilan ekonomi dan kewangan.

Jelasnya, mesyuarat bertemakan 'Usaha sama untuk Penerusan Kemakmuran antara Asia dan Eropah' itu akan membincangkan tiga topik iaitu Perkembangan dan Prospek Ekonomi Makro di Eropah dan Asia; Memastikan Kestabilan Kewangan di Peringkat Serantau dan Global serta Pengalaman Eropah dan Perhubungan antara Asia dan Eropah.

"Pada mesyuarat itu, peserta akan bertukar-tukar pandangan mengenai unjuran ekonomi dan kewangan dunia termasuk isu yang menyebabkan tercetusnya ketidaktentuan global," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Jelas MoF, mesyuarat juga akan membincangkan risiko dan kemungkinan dasar bersama untuk Asia dan Eropah selain menjadi medan untuk Tee Yong bertemu dengan rakan sejawatannya dari negara ekonomi ASEM.

